



1 Disember 2021
1 December 2021
P.U. (A) 436

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(PERTUKARAN MAKLUMAT) 2021

*INCOME TAX
(EXCHANGE OF INFORMATION) RULES 2021*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (PERTUKARAN MAKLUMAT) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah perenggan 154(1)(c) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pertukaran Maklumat) 2021**.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“bank” ertinya—

- (a) suatu bank, syarikat kewangan, atau suatu syarikat perbankan dan kewangan yang dilesenkan atau disifatkan telah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*];
- (b) suatu bank Islam yang dilesenkan atau disifatkan telah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*];
- (c) suatu institusi yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*];
- (d) suatu syarikat Labuan atau bank yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 [*Akta 704*]; dan
- (e) suatu syarikat Labuan atau bank yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010 [*Akta 705*];

“maklumat” ertinya suatu maklumat yang dikehendaki supaya dizahirkan menurut peruntukan mengenai pertukaran maklumat dalam suatu perkiraan;

“perkiraan” ertinya—

- (a) Konvensyen mengenai Bantuan Tadbir Bersama dalam Perkara Cukai;
- (b) apa-apa perkiraan dengan wilayah bidang kuasa yang menyertai untuk menambah baik pematuhan cukai antarabangsa melalui—
 - (i) apa-apa konvensyen cukai dua hala atau pelbagai hala;
 - (ii) apa-apa perjanjian dua hala atau pelbagai hala pihak berkuasa berwibawa; atau
 - (iii) apa-apa perjanjian pertukaran maklumat percukaian;

“pihak berkuasa berwibawa” ertinya pekerja atau ejen suatu kerajaan wilayah di luar Malaysia yang diberi kuasa dengan sewajarnya yang dengannya Kerajaan Malaysia telah membuat suatu perkiraan.

Permintaan bagi maklumat

3. (1) Tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini, suatu pihak berkuasa berwibawa boleh meminta daripada Ketua Pengarah maklumat seseorang yang berhubung dengannya suatu perkiraan dibuat oleh kerajaan pihak berkuasa berwibawa itu dengan Kerajaan Malaysia.

(2) Permintaan yang disebut di bawah subkaedah (1) hendaklah menyatakan butiran yang berikut:

- (a) identiti orang yang di bawah pemeriksaan atau penyiasatan;
- (b) tempoh yang baginya maklumat itu diminta;
- (c) kenyataan maklumat yang diminta termasuk butir-butir dan bentuk sebagaimana yang pihak berkuasa berwajib inginkan diterima daripada Ketua Pengarah;
- (d) tujuan percukaian yang baginya maklumat itu diminta;
- (e) alasan untuk mempercayai bahawa maklumat yang diminta berada di Malaysia atau dalam milikan atau kawalan seseorang di dalam bidang kuasa Malaysia;
- (f) setakat yang diketahui, nama dan alamat orang yang dipercayai memiliki maklumat yang diminta;
- (g) kenyataan bahawa permintaan itu bertepatan dengan undang-undang dan amalan pentadbiran wilayah pihak berkuasa berwajib, jika maklumat yang diminta di dalam bidang kuasa wilayah pihak berkuasa berwajib itu, maka pihak berkuasa berwajib itu boleh mendapatkan maklumat berkenaan menurut undang-undang wilayahnya sendiri atau mengikut amalan biasa pentadbiran dan ia bertepatan dengan perkiraan itu; dan
- (h) kenyataan bahawa pihak berkuasa berwajib telah menggunakan kesemua cara yang tersedia di wilayahnya bagi mendapatkan maklumat, kecuali yang menimbulkan kesusahan yang tidak berpadanan.

(3) Apabila permintaan di bawah subkaedah (1) diterima, Ketua Pengarah boleh, melalui notis di bawah seksyen 81 Akta, menghendaki orang yang disebut dalam

permintaan itu untuk memberi maklumat sebagaimana yang diminta oleh pihak berkuasa berwajib itu dalam masa yang dinyatakan dalam notis itu.

(4) Mana-mana orang yang kepadanya notis telah dikeluarkan di bawah subkaedah (3) yang, tanpa sebab yang munasabah, tidak mematuhi notis sedemikian melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 120 Akta.

Maklumat daripada bank

4. (1) Kehendak di bawah kaedah ini adalah tertakluk kepada peruntukan yang berikut:

- (a) subseksyen 134(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013;
- (b) subseksyen 146(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;
- (c) subseksyen 120(1), (2) dan (3) Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002;
- (d) perenggan 178(2)(a) Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010; dan
- (e) perenggan 139(2)(a) Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010.

(2) Jika Ketua Pengarah gagal mendapat apa-apa maklumat mana-mana orang di bawah kaedah 3, Ketua Pengarah boleh, melalui notis di bawah seksyen 81 Akta, menghendaki bank yang mempunyai maklumat orang itu untuk memberikan maklumat sebagaimana yang diminta oleh pihak berkuasa berwajib itu.

(3) Walau apa pun peruntukan subkaedah 3(3) dan 4(2), Ketua Pengarah boleh membuat permintaan daripada bank, maklumat berkaitan orang itu yang disebut di bawah kaedah 3 tanpa perlu terlebih dahulu membuat permintaan daripada orang itu.